

Kempen Kerajaan adalah untuk "membersihkan" kesemua pihak.....

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Komen Penulis:

DI ANTARA kepala-kepala berita yang tersiar di akhbar-akhbar semalam (Ogos 25) mengenai subjek yang sama (yakni Bank) apa yang paling menarik minat penulis ialah yang tersiar di N.S.T. dan Utusan Melayu yang berbunyi: "Provide 'clean' financial system, banks told" (Adakan sistem kewangan 'bersih', bank-bank diberitahu) dan "Untuk kepentingan - kepentingan tertentu Ada Bank-bank Menyeleweng — Musu."

Berita di bawah kepala Utusan Melayu berbunyi, Datuk Musa Hitam mendedahkan adanya bank-bank di negara ini yang sanggup menyeleweng demi kepentingan pihak-pihak tertentu.

Timbalan Perdana Menteri mengatakan: "Percanggahan kepentingan telah mendorong setengah-setengah ahli bank membuat keputusan yang serong ketika membahagikan sumber kewangan."

Berucap di Majlis Jamuan Makan Malam Persatuan Bank Nisaga, Datuk Musa yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, "Saya berpendapat satu daripada faktor yang membawa kepada penyelewengan dalam sektor bank terutamanya ialah percanggahan kepentingan yang akan mengukir-kuruk perimbangan".

"Cara beramal dalam mana setengah-setengah bank 'underwrite' saham-saham baru tentu sekali mengkuatirkan kami semua," ujarnya.

Sehubungan dengan ini, Timbalan Perdana Menteri melancarkan harapan Kerajaan agar institusi-institusi swasta dapat memainkan peranan mereka bagi menyedihkan kepada rakyat satu sistem kewangan yang lalin dan suci.

Bellau berharap kelewatan meluluskan dan penyelewengan seperti pembayaran sogokan 'under the counter' akan luput ditelan masa.

Menurut Datuk Musa, sejak Pentadbiran baru mengambil alih, kerap kali apabila surat-khabar melapor ataupun apabila ucapan dibuat oleh orang-orang terkenal mengenai ketidaklinciran dan penyelewengan, perhatian secara otomatik terlampu kepada sector awam atau Kerajaan.

"Izinkan saya memberi jaminan bahawa kami bukan tidak termulok tentang kelemahan-kelemahan serupa dalam sector swasta dalam konteks ini, saya berharap kedua pihak awam dan swasta dapat bergandeng bahu bagi mengatasi faktor-faktor negatif dalam sistem," katanya.



Lojik sekali saranan Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam itu, kerana kurangleh adil jika hanya anggota-anggota Pentadbiran yang terdiri dari orang-orang politik dan kakitangan Kerajaan sahaja didisiplinkan (demi kepentingan rakyat dan Negara) supaya menjalankan tugas dan tanggung-jawab mereka dengan "bersih, cekap dan lalin," sementara pihak swasta dibenarkan berada dalam keadaan "separuh" bersih, cincin (chin-chai mengikut ejaan lama) dan "kesat".

Sebagai misal, berapa kiasan: Apakah maknanya dari segi kebersihan keluarga jika di dalam sebuah rumah yang mengandungi umpamanya 3 bilik, cuma 2 bilik sahaja yang dibersihkan sebersih-berisinya, sementara bilik yang ketiga dipenuhi oleh sampah-sarap, bangkai dan najis? ("Where got meaning?", secara mengguna bahasa pelawak tempatan).

Kesimpulan: Maksud ucapan Datuk Musa Hitam itu akan lebih mudah difahami ramai, khususnya orang-orang di luar bandar, jika tanya diringkaskan dalam bahasa kasar: "Kerbau yang kotor, yakni yang berlumuran dengan tali kerbau dan lumpur, tidak berhak mendapat tempat di dalam sebuah kandang yang bersih"....



Ekor Ruangan:

A) Empat orang pengarah di Majlis Kebersihan Daerah (District Sanitary Board) di Dana Point, California telah mengundi supaya mereka diberi hak menerima pencen sebanyak US\$500 sebulan (M\$1,055) bagi jawatan yang memerlukan mereka menghadiri diri di mesyuarat yang diadakan sebulan sekali.

Ahli-ahli Majlis tersebut membuat keputusan berkenaan bulan April lalu — keputusan yang membenarkan pembayaran pencen di sebutkan tadi kepada setiap pengarah yang berkhidmat selama 8 tahun dan bersara bila meningkat umur 65 tahun.

Di hari ini, pengarah-pengarah dikisahkan telah mendapat bahawa mereka bukan sahaja telah kehilangan

pencen tapi jua kerja. Sebab — para pembayar cukai merangkap pengundi di daerah berkenaan telah mengadakan pilihanraya "luar biasa" ("special election") dan melalui pilihanraya "special" ini, 4 orang pengarah tadi telah disingkirkan dari jawatan mereka dan digantikan dengan pengarah-pengarah baru. (Dipetik dari sebuah akhbar luarnegeri Ogos 21, 1981 di bawah tajuk, "No pension and no job").

(Catitan Khas: Satu Ilustrasi kelasik yang menunjukkan — kuasa undi yang berada di tangan para pengundi di sesebuah masyarakat yang mengamalkan demokrasi — ia boleh menaikkan pemimpin dan jua menggulingkan pemimpin, mereka di negeri ini yang belum berdaftar sebagai pengundi, daftarkanlah diri dengan seberapa segera).

B) Akhbar yang sama tidak lama dahulu melaporkan sebuah berita dari Peking, di bawah tajuk yang berbunyi "Officials declare their own bonuses". Berita tersebut berbunyi begini:

Pihak yang berkuasa di negeri China di hari ini mendapati bahawa bilangan kakitangan di sebuah pejabat di tempat ialah mendiang Pengerusi Mao lalu, di Shaoshan di bahagian tengah negeri China, telah ditambah dalam masa Revolusi Kebudayaan dahulu dari beberapa dozen sahaja kepada 500 orang (ulang lima ratus orang).

Dari kacamata Pentadbiran baru, pejabat yang sebegitu besar tidak perlu di bandar sebegitu kecil seperti Shaoshan dan dengan itu membuat keputusan supaya pejabat tersebut ditutup, kata Harian Rakyat.

Akhbar yang sama menambah, setelah pegawai-pegawai yang berjumlah 500 orang itu mendengar khabar bahawa pejabat mereka akan ditutup dan mereka akan kehilangan kerja, maka mereka telah mengadakan "farewell meeting", iaitu mesyuarat perpisahan.

Di mesyuarat terakhir ini pegawai-pegawai berkenaan telah meluluskan pembayaran "bonus" (dari duit rakyat) kepada mereka sendiri dan jua pemberian hadiah (yang dibel dengan duit rakyat jua) berupa radio transistor, fountain pen dan notebook. (Catitan Khas: Mungkin Datuk Musa dan Encik Sanusi akan mengurangkan kening dan mengeleng-gelengkan kepala bila membaca cerita dari negeri China ini?)

